

WACANA AKADEMIK BUSINESS AND MANAGEMENT DISCOURSE DAPAT
SAMBUTAN HANGAT

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 17 April 2011 12:30

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

17 APRIL 2011/ 13 JAMADILAWAL 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

Wacana Akademik Business and Management Discourse Dapat Sambutan Hangat

UUM ONLINE: Othman Yeop Abdullah (OYA) Graduate School of Business, College of Business Universiti Utara Malaysia (UUM COB) menganjurkan siri pertama *Business and Management Discourse: Leveraging Theory and Practice* dengan jayanya, di sini, semalam.

Siri pertama berjaya dilaksanakan apabila 140 peserta daripada syarikat swasta dan kerajaan menghadiri wacana akademik yang disampaikan oleh Prof Lord Eatwell dari Judge of Business School, University of Cambridge.

Kupasan mengenai sejarah sistem kewangan di negara-negara Eropah sehinggalah kepada isu sistem bank yang diamalkan di negara Eropah dan Amerika Syarikat menjadi topik utama dalam perbincangan berkenaan.

Perbincangan lain merangkumi peraturan sistem kewangan yang cuba diimplementasikan di seluruh dunia yang dilihatkan tidak mempunyai kesesuaian kerana permasalahan kewangan berbeza mengikut wilayah masing-masing.

Prof Lord Eatwell yang mempunyai kepakaran dalam bidang dasar kewangan banyak menyentuh soal homogeniti vs heterogeniti dalam sistem kewangan bank di seluruh dunia yang dilihat sebagai punca kepada kemelesetan ekonomi dunia pada 2007.

Beliau juga mengatakan bahawa perlu pengasingan dalam peraturan bank antara Barat dan Timur kerana penyeragaman dasar kewangan dunia sukar dilaksanakan kerana masing-masing mempunyai peraturan tersendiri.